

17/12/1999

480 kontraktor Melayu mungkin gulung tikar

Mohd Zin Ali; Hasnira Hassan

KUALA LUMPUR, Khamis - Kira-kira 480 kontraktor Bumiputera yang terbabit membekal makanan bermasak ke sekolah berasrama di Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang dan Terengganu, mungkin terpaksa 'gulung tikar' jika kerajaan menswastakan projek itu.

Kontraktor terbabit menyertai Konsortium Urus Cemerlang Sdn Bhd yang membekal makanan bagi Johor; Konsortium Pembekal Makanan Zon Selatan Sdn Bhd (Melaka); Kumpulan Pembekal Makanan Sejati Sdn Bhd (Pahang) dan Konsortium Pembekal Makanan Darul Iman Sdn Bhd (Terengganu).

Pengerusi Gabungan Konsortium Pembekal Bumiputera bagi lima negeri itu, Alias Pon, berkata dengan penswastakan projek bekalan makanan bermasak itu, ia akan menghapuskan sumber pendapatan kebanyakan usahawan Bumiputera yang sudah terbabit dalam bidang berkenaan sejak beberapa tahun lalu.

Katanya, penswastakan itu juga bermakna kerajaan akan memberi kontrak membekal makanan bermasak untuk kira-kira 273 sekolah berasrama di lima negeri terbabit kepada Konsortium MAS Catering-Advent-TNTC (Masat).

Antara sekolah berasrama itu ialah Maktab Sultan Abu Bakar, Johor Bahru; Sekolah Menengah (SM) Teknik Johor Bahru; SM Sains Muar, SM Bandar Maharani Muar, SM Agama Sheikh Abdul Malek dan SM Agama Tok Jiring, Kuala Terengganu, Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bukit Payung, Besut; SM Sains Tuanku Jaafar, Kuala Pilah dan SMK Rompin, Pahang.

"Sejak awal November lalu, pegawai Masat sudah membuat kajian di kebanyakan sekolah berasrama di lima negeri ini untuk mengambil alih perkhidmatan dan bekalan makanan bermasak.

"Malah, kami mengetahui hal ini melalui pegawai berkenaan dan kami kecewa apabila mengetahui konsortium berkenaan turut mempunyai pegawai atau pengarah bukan Bumiputera.

"Selain itu, pada perenggan akhir dokumen setujuterima yang ditandatangani sebahagian ahli kami ada dicatatkan 'andai kata pihak kerajaan bersedia untuk mengambil alih penswastakan itu, maka dengan ini, kontraktor sedia ada boleh ditamatkan dalam masa tiga bulan,' katanya kepada Berita Harian.

Katanya, Masat turut mengeluarkan risalah model program pembangunan pembekal (VDP) yang menunjukkan kedudukan kontraktor Bumiputera sedia ada di peringkat bawah.

"Mengikut carta itu, kami tiada berpeluang untuk menjadi pembekal utama, malah kami berkemungkinan cuma menjalankan kerja pembersihan serta pencucian sedangkan kerja pembekalan dan penyediaan makanan diuruskan Masat," katanya.

Difahamkan Konsortium Masat ditawarkan mengambil alih pembekalan makanan bermasak ke asrama sekolah bermula 1 Januari 2000 dengan tempoh kontrak selama 10 tahun serta kenaikan empat peratus setahun.

Kontrak itu dipercayai ditawarkan pada harga RM9.96 seorang sehari berbanding RM5 seorang sehari ketika ini.

Difahamkan, kontrak berkenaan sepatutnya ditandatangani pada akhir bulan lalu tetapi ditunda kepada tarikh yang masih belum ditetapkan.

Sehubungan itu Alias berkata, pihaknya menghantar memorandum kepada Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, di Putrajaya pada 17 November lalu.

Memorandum itu katanya, meminta kerajaan mengkaji semula serta membatalkan keputusan penawaran kontrak penswastakan itu, menawarkan kontrak berkenaan kepada kontraktor sedia ada dan memberi jawapan segera

supaya dapat mengambil tindakan selanjutnya.

Memorandum yang sama turut dihantar kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 28 November lalu.

"Kami juga menemui Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Nazri Tan Sri Aziz, Isnin lalu untuk meminta campur tangan beliau serta membantu membangunkan usahawan Bumiputera sekiranya berjaya mengekalkan kontrak bekalan makanan itu.

"Kami turut berharap akan dapat menemui Menteri Pendidikan, Datuk Musa Mohamad pada minggu hadapan berhubung kes yang sama," katanya.

Difahamkan, persekutuan ini juga akan bergabung dengan Konsortium Makanan Zon Utara Sdn Bhd yang mengendalikan pembekalan makanan bermasak di Kedah, Perlis dan Pulau Pinang serta Besta Distributors Sdn Bhd (Perak dan Selangor).

Sehubungan itu, katanya, keputusan positif amat diharapkan selaras dengan saranan kerajaan ke arah melahir dan membangunkan usahawan Bumiputera yang maju dan berdaya saing.

Sementara itu, Ketua Pegawai Operasi Mas Catering Sdn Bhd, Mohd Hafidz Mohd Hashim ketika dihubungi hari ini, berkata perjanjian untuk membekalkan makanan bermasak kepada 273 sekolah berasrama di lima negeri berkenaan masih belum diputuskan kerajaan lagi.

Menurutnya, rundingan dan perbincangan antara sesama ahli konsortium Masat pun masih belum selesai.

"Semuanya masih di peringkat awal. Kerajaan pun belum melakukan apa-apa lagi," katanya.

(END)